

KAJIAN STRUKTUR KAMUS DWIBAHASA: BAHASA THAI-MELAYU DEWAN

Sareeyah Star, Samiyah Baleh, Sainee Tamphu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Rajabhat Yala

sareeyah.s@yru.ac.th

Abstrak

Kajian struktur Kamus Dwibahasa: Bahasa Thai- Melayu Dewan adalah satu kajian yang meneliti dan memaparkan huraian dari aspek struktur kamus dwibahasa dan komponen-komponen entri yang terdapat dalam Kamus Dwibahasa Bahasa Thai-Melayu Dewan. Kajian ini dilakukan dengan bertujuan untuk memperlihatkan struktur Kamus Thai-Melayu Dewan dan memperlihatkan komponen-komponen entri dalam kamus tersebut. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis data. Dua aspek yang diberi penekanan dalam kajian ini ialah struktur-struktur kamus dan komponen-komponen entri dalam kamus. Terdapat empat keistimewaan kamus ini ialah pertama entri dan subentri diwarnakan bagi memudahkan pengguna untuk merujuknya. Kedua memberi sebutan bahasa Thai yang berasaskan International Phonetic Alphabet (IPA). Ketiga memberi kelas kata bagi setiap entri dan subentri. Keempat contoh penggunaan diberikan untuk membantu pengguna memahami sesuatu entri atau subentri dan kolokasinya.

Kata kunci: kamus dwibahasa, bahasa Thai, Kamus Thai-Melayu Dewan, struktur kamus, entri dalam kamus

Structural study of the Bilingual Dictionary: Thai-Malay Council

Abstract

Structural study of the Bilingual Dictionary: Thai-Malay Council is a research study and displays a description of the aspect of the bilingual dictionary structure and the components of the entry is available in the Thai-Malay Language Bilingual Dictionary. This study was conducted with aims to show the structure of the Thai-Malay Dictionary of the Council and to show the components entry in the dictionary. The method used in this study is reference and data analysis method. Two aspects emphasized in this study are the structure of the dictionary and the entry components in the dictionary. There are four specialties of this dictionary is the first entries and subentries are highlighted to make it easier for users to reference them. The second gives a mention Thai based on International Phonetic Alphabet (IPA). Third gave word class for every entry and subentry. Four use examples are provided to assist users understand any entry or subentry and collaterals.

Keywords: bilingual dictionaries, Thai, Thai-Malay Dictionaries, dictionary structure, entries in dictionaries

Pengenalan

Kamus berasal daripada perkataan [bahasa Arab](#) iaitu 'قاموس' *qamus* bermaksud kitab yang memberi keterangan tentang erti kata-kata, iaitu sejenis [buku](#) rujukan yang menerangkan makna kata-kata serta berfungsi untuk membantu para pengguna mengenal perkataan baru.

Selain menerangkan maksud kata, kamus juga mungkin mempunyai panduan sebutan, asal(etimologi) sesuatu perkataan dan juga contoh penggunaan bagi sesuatu perkataan. Bagi menguatkan pemahaman pelajar, kadang kala terdapat juga ilustrasi di dalam kamus. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kamus bermaksud buku yang mengandungi kata-kata yang disusun menurut abjad dengan keterangan mengenai makna perkataan dan lain-lain. Kamus dapat didefinisikan sebagai sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa yang disusun mengikut abjad, diberi makna, dan keterangan lain berkenaan dengan kata-kata tersebut. Terdapat beberapa jenis kamus seperti Kamus Ekabahasa (Monolingual Dictionary), Kamus Dwibahasa (Bilingual Dictionary), dan Kamus Pelbagai Bahasa atau Aneka Bahasa (Multilingual Dictionary).

Kamus dwibahasa ialah kamus yang disusun dengan melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Maklumat linguistik bahasa sumber tersurat dan tersirat dalam kata entri kamus, dan padanan linguistiknya diberikan dalam bahasa sasaran (Anida binti Nasuka dan Siti Nuur Roihan binti Saidin, 2013). Pada umumnya, andaian dibuat bahawa pengguna kamus dwibahasa biasanya menguasai satu tetapi tidak atau kurang menguasai bahasa yang satu lagi (Svensen, 1993 dalam Noresah Baharom, 2009). Kamus dwibahasa juga merupakan alat rujukan yang penting untuk mencari maklumat makna dan terjemahan dua bahasa. Maklumat yang disediakan dalam kamus dwibahasa penting untuk memberikan padanan kepada sesuatu kata dan maklumat linguistik lain seperti aspek morfologi, sintaksis, konteks serta maklumat sosiobudaya yang juga tidak kurang pentingnya untuk pemahaman pengguna kamus (Intan Safinaz Zainudin et.al, 2014). Kamus dwibahasa dapat memdefinisikan sebagai kamus yang menggunakan dua bahasa, iaitu kata masukan daripada bahasa yang dikamuskan diberi padanan atau pemerian takrifnya dengan menggunakan bahasa yang lain. Contohnya: Kamus Dwibahasa *Oxford Fajar*(Inggeris-Melayu; Melayu-Inggeris).

Kamus dwibahasa merupakan salah satu alat yang digunakan dalam proses penterjemahan. Hal ini kerana kamus dwibahasa tergolong dalam kategori kamus aktif, iaitu kamus yang digunakan secara aktif untuk kerja penterjemahan. Namun kajian ini cuba mengkaji kamus dwibahasa bahasa Thai-Melayu. Bahasa Thai adalah bahasa resmi yang digunakan di Thailand. Namanya dalam bahasa Thailand sendiri adalah ภาษาไทย (*phasa thai*, artinya "bahasa rakyat Thailand"). Bahasa ini adalah bagian dari kelompok bahasa Tai dari kelompok bahasa Tai-Kadai. Namun kajian ini akan cuba melihat struktur Kamus Thai-Melayu Dewan dan akan cuba melihat komponen-komponen entri dalam kamus tersebut.

Latar Belakang Kajian

Kamus Thai-Melayu Dewan disusun khusus bagi membantu para pelajar di Thailand yang ingin mempelajari bahasa Melayu, terutamanya yang ingin melahirkan pemikiran, idea, gagasan dalam bahasa Melayu melalui penulisan kerana kamus ini merupakan sebuah kamus dwibahasa yang produktif sifatnya. Walau bagaimanapun, kamus ini juga boleh dimanfaatkan oleh orang awam yang ingin mempelajari bahasa Thai pada peringkat pemahaman. Kamus ini lahir hasil kolaborasi antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)-Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)-Prince of Songkhla University (PSU) melalui Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABBM) pada tahun 2000. Pada tahun 2001, DBP dengan kerjasama PSU telah bersetuju merintis kerja untuk menjadikan kamus ini satu kenyataan.

Walaupun terlalu banyak halangan dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh kedua-dua belah pihak semasa menyusun kamus ini, tetapi berkat kegigihan para penyusun dan petugas dari kedua-dua buah institusi, akhirnya kamus ini berjaya menemui pengguna

sempena dengan ulang tahun penubuhan yang ke-50 DBP dan ke-40 PSU. Apa yang lebih menarik lagi, kamus ini lahir sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan Malaysia.

Petugas dan penyusun kamus yang silih berganti, sedikit pun tidak melunturkan semangat untuk kami menyiapkan kamus ini. Masalah penaipan pula dapat diatasi dengan adanya kerjasama pelbagai pihak sehingga akhirnya kamus ini dapat menemui para penggunanya mengikut perancangan. Seperti yang lazim berlaku dalam penyusunan kamus dwibahasa, masalah anisomorfisme antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran merupakan cabara utama yang dihadapi dalam penyusunan kamus ini. Oleh sebab bahasa Thai dan bahasa Melayu tergolong dalam dua keluarga bahasa yang berbeza, maka terdapat perbezaan bentuk, nilai dan budaya penutur kedua-dua bahasa. Sungguhnya perbezaan ini menyulitkan kami mencari padanan bagi sesuatu kata entri bahasa Thai. Kesatu kata Thai yang mempunyai banyak padanan dalam bahasa Melayu dan begitu sebaliknya memang banyak ditemui. Antaranya ialah kata กลมกลืน □□□□□□□□□□ dalam bahasa Thai yang menerima tiga padanan dalam bahasa Melayu, iaitu sebati, sedondon dan secocok. Begitu juga dengan กระเป๋า □□□□□□□□□□&□□ yang mempunyai tiga padanan dalam bahasa Melayu.

Yang lebih menyukarkan ialah apabila tiada padanan dapat dicari dalam bahasa Melayu bagi sesuatu kata entri bahasa Thai. Dalam hal ini, dua strategi digunakan. Strategi yang pertama ialah dengan memberikan penjelasan makna kata Thai yang berkenaan tanpa memberikan padanan. Strategi yang kedua ialah dengan mencari meminjam terus kata daripada bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu. Satu lagi masalah yang kerap dihadapi dalam penyusunan kamus ini ialah sukarnya memberi padanan bahasa Melayu yang setara kelas katanya dengan kata entri bahasa Thai, walaupun dalam banyak hal penyusun kamus ini mencuba sedaya upaya untuk mencari padanan yang setara kelas katanya. Keadaan ini memang sudah dijangkakan dalam penyusunan kamus dwibahasa yang melibatkan dua bahasa yang jauh berbeza. Ini bermakna, dalam kes tertentu, penyusun terpaksa memaparkan padanan bahasa Melayu yang tidak setara kelas katanya dengan kelas kata bagi kata Thai yang berkenaan.

Sesungguhnya pengalaman menyusun *Kamus Thai-Melayu* ini memang unik dan menarik kerana penyusun yang menghasilkan kamus ini terdiri daripada pakar bahasa Thai yang tidak mengetahui bahasa Melayu, dan pakar bahasa Melayu yang tidak memahami atau mengetahui bahasa Thai. Yang menjadi jambatan komunikasi untuk merungkaikan segala persoalan perkamusan, terutamanya yang berkaitan dengan unsure silang budaya semasa bengkel kerja kamus diadakan ialah tiga orang pensyarah PSU yang boleh menguasai bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Permasalahan Kajian

Berdasar kajian-kajian lepas yang berkaitan kamus dwibahasa terdapat bahawa kajian tersebut hanya mengjaji dari segi makna kata, padanan kata, kekuatan dan kelemahan kamus, dan penghasilan kamus. Antara kajian tersebut telah dikaji oleh Prof. Madya Cheun Heng Huat et.al (2009) yang bertajuk *Kajian Terhadap Penghasilan Kamus Dwibahasa untuk Penutur Bukan Natif Bahasa Mandarin*. Seterusnya Anida binti Nasuka dan Siti Nuur Roihan binti Saidin (2013) dengan kajian yang bertajuk *Kekuatan dan Kelemahan Kamus Dwibahasa dalam Membantu Penterjemah*. Intan Safinaz Zainudin et.al (2014) kajian yang bertajuk *Analisis Frame Semantics untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja "Mengambil"*

Walaupun terdapat beberapa pengkaji di Malaysia yang buat kajian berkaitan kamus dwibahasa . Tetapi hanya sedikit sahaja dan kamus yang dikajikan kebanyakan kamus Inggeris-Malay dan Malay-Inggeris. Namun kajian ini cuba mengkaji kamus dwibahasa bahasa Thai-Melayu. Bahasa Thai adalah bahasa resmi yang digunakan di Thailand. Bahasa ini adalah bagian dari kelompok bahasa Tai dari kelompok bahasa Tai-Kadai. Namun kajian ini akan cuba melihat struktur Kamus Thai-Melayu Dewan dan akan cuba melihat komponen-komponen entri dalam kamus tersebut.

Objektif Kajian

Seperti yang sudah dinyatakan pada awal iaitu kamus dwibahasa merupakan salah satu alat yang digunakan dalam proses penterjemahan. Hal ini kerana kamus dwibahasa tergolong dalam kategori kamus aktif, iaitu kamus yang digunakan secara aktif untuk kerja penterjemahan. Menurut Rahim Mat Leh (2000, dalam Anida binti Nasuka dan Siti Nuur Roihan binti Saidin : 2013), kamus yang baik ialah kamus yang kaedah penyusunannya sesuai dengan kehendak sasaran. Sekiranya penyusunan kamus ini tidak sesuai dengan kehendak sasaran, hal ini akan menimbulkan kesukaran kepada penggunaanya. Seterusnya, jika maklumat yang diperlukan oleh golongan sasaran kamus itu tiada, kamus dwibahasa itu dapat dikatakan sebagai kamus yang tidak baik. Namun kajian ini bertujuan untuk melihat struktur kamus dalam Kamus Thai-Melayu Dewan dan akan cuba melihat komponen-komponen entri yang terdapat dalam kamus dwibahasa bahasa Thai-Melayu Dewan.

Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis data. Kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian ini kerana kaedah ini sangat penting kepada pengkaji untuk menentukan sama ada kajian yang dijalankan ini telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Maklumat kajian terdahulu ini dapat mengelakkan pengkaji dari membuat kajian yang sama. Selain itu, dengan melihat kajian-kajian terdahulu dapat membantu pengkaji daripada ketandusan idea serta membantu pengkaji melahirkan sesuatu kajian yang bersifat baru dan lebih mantap, bersandarkan beberapa kaedah dan teori yang mungkin tidak disentuh oleh pengkaji terdahulu. Kaedah analisis data pula merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan data yang diperoleh oleh pengkaji. Setiap analisis data dilakukan untuk mempersembahkan data kepada bentuk yang lebih bermakna.

Dapatan Kajian

Kamus Thai – Melayu Dewan mempunyai struktur yang sama dengan kamus lain iaitu struktur mega, struktur makro, dan struktur mikro. Dari segi struktur mega terdapat tiga bahagian dalam Kamus Thai – Melayu Dewan, iaitu bahagian hadapan, bahagian badan, dan bahagian lampiran. Bahagian hadapan terdiri daripada kata pengantar dan pendahuluan untuk menerang inovasi dan ciri-ciri yang terdapat dalam kamus tersebut. Seterusnya bahagian hadapan kamus ini juga mempunyai panduan untuk menggunakan kamus. Bahagian badan pula mengandungi senarai kata kepala ataupun kata masukan yang disusun secara abjad bahasa Thai. Dalam Kamus Thai-Melayu Dewan ini memuatkan lebih kurang 10,311 entri dan subentri yang disusun mengikut abjad bahasa Thai. Entri dan subentri tersebut diwarnakan bagi memudahkan pengguna untuk merujuknya. Dari segi sebutan juga mengguna sebutan bahasa Thai yang berasaskan International Phonetic

Alphabet (IPA). Seterunya terdapat menyatakan kelas kata bagi setiap entri dan subentri dan mempunyai contoh penggunaan diberikan untuk membantu pengguna memahami sesuatu entri atau subentri dan kolokasinya. Aspek yang diletakkan sebagai lampiran agak pelbagai mengikut kamus tertentu. Antara aspek-aspek yang terletak dalam Kamus Thai-Melayu Dewan ialah senarai bahagian-bahagian dalam tubuh manusia, sayur-sayuran, buah-buahan, haiwan, serangga, bunga-bunga, dan alat muzik. Senarai kata tersebut bersamaan gambar yang berwarna –warni.

Struktur makro dalam kamus dwibahasa Thai-Melayu Dewan mengandungi senarai kata kepala / kata masukan yang disusun secara abjad bahasa Thai. Setiap kata masukan akan diberikan beberapa maklumat dan ia dinamakan sebagai entri. Kata masukan / kata kepala dalam kamus tersebut dicetak warna biru. Entri disajikan dalam dua kolum pada setiap halaman. Kata kepala dalam kamus Thai-Melayu Dewan terdiri daripada satu leksem atau lebih. Antara kata yang menjadi kata kepala iaitu kata kata dasar, kata jamak, kata pinjaman dan ada kata kepala yang muncul lebih daripada sekali.

Struktur mikro dari perspektif struktur ini merujuk kepada penyusunan maklumat dalam entri. Bentuk maklumat yang terdapat dalam entri berbeza-beza bergantung kepada jenis kata masukan dan juga kamus. Namun dalam kamus dwibahasa Thai-Melayu Dewan terdapat beberapa komponen entri antaranya ejaan, sebutan, kelas kata, senses, definisi, contoh, dan penggunaan. Ejaan, kamus Thai-Melayu Dewan ini juga mengandungi maklumat tentang ejaan, dan kita juga dapat merujuk kamus untuk menyemak ejaan yang betul dalam bahasa Thai. Kata masukan atau kata kepala memberi maklumat tentang ejaan. Ejaan tersebut ditulis dalam bahasa Thai. Di samping itu ada juga maklumat lain yang berkaitan dengan ejaan, iaitu maklumat variasi ejaan juga telah dimasukkan dalam bahagian ini. Kemudian sebutan, transkripsi sebutan ini dilakukan dengan menggunakan sistem International Phonetic Alphabet (IPA). Setiap kata kepala / kata masukan diberi transkripsi sebut IPA untuk senang menyebut perkataan bagi orang asing yang tidak memahami bahasa Thai. Transkripsi sebutan terletak di belakang kata kepala. Seterusnya kelas kata, dalam kamus Thai-Melayu Dewan dilabelkan menggunakan singkatan seperti kata nama (น), frasa (๑), dan objek (ก). Senarai kelas kata diletak selepas senarai sebutan. Kamus ini juga menyenaraikan senses, iaitu aspek ini menerangkan hubungan makna dalam entri, cara menyajikan dalam entri iaitu dengan mengguna number. Kemudian definisi, kamus Thai-Melayu Dewan ini hanya memberi padanan makna dalam bahasa Melayu tidak memaparkan definisi dengan panjang leba. Kamus ini juga memberi contoh genggunaan dalam ayat. Contoh yang diberi itu ada dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu.

Antara contoh komponen-komponen entri dalam kamus dwibahasa Thai-Melayu Dewan dapat dilihat seperti:

บ๊อง [pɔ̀wɔ̌n] กmenyuap, menyuapkan: เขาบ๊องไอศกรีมให้น้องคนเล็กของเขา la **menyuap** adik bongsunya aiskrim; la **menyuapkan** aiskrim ke mulut adik bongsunya.

- | | | |
|--------------|---|---|
| - Ejaan | → | บ๊อง |
| - Sebutan | → | [pɔ̀wɔ̌n] |
| - Kelas kata | → | ก |
| - Definisi | → | menyuap, menyuapkan: |
| - Contoh | → | เขาบ๊องไอศกรีมให้น้องคนเล็กของเขา la menyuap adik bongsunya aiskrim; la menyuapkan aiskrim ke mulut adik bongsunya. |

- Penggunaan → เขาป้อนไอศกรีมให้น้องคนเล็กของเขา *la menyuap adik bongsunya aiskrim; la menyuapkan aiskrim ke mulut adik bongsunya.*
- Senses → contohnya perkataan ขโมย [k^haɔ̃/mõ] น1. Pencuri น2. mencuri

Kesimpulan

Dengan keseluruhan kajian dapat disimpulkan bahawa kamus Thai-Melayu Dewan mempunyai struktur mega yang terdiri daripada bahagian hadapan, bahagian badan, dan bahagian lampiran. Kamus ini juga tidak mempunyai komponen-komponen entri seperti pengimbuhan dan etimologi. Terdapat juga bahawa dalam bahasa Thai tidak mempunyai pengimbuhan dan dalam bahasa Thai tidak mempunyai kata ortografi dalam tulisan seperti deretan huruf tidak dipisahkan tidak mempunyai ruang kosong seperti bahasa Melayu.

Kamus dwibahasa Thai-Melayu Dewan ini menjadi buku rujukan yang penting bagi semua lapisan masyarakat, khususnya di Malaysia. Kamus ini juga sangat ditunggu-tunggu oleh pelajar bahasa Thai dan bahasa Melayu, terutama pelajar berketurunan Melayu di selatan Thailand yang ingin menjejaki dan meningkatkan penguasaan bahasa ibunda mereka. Mudah-mudahan kamus ini dapat memenuhi hasrat tersebut. Selain itu kamus ini juga menjadi rujukan kepada para pelajar kedua-dua bahasa, kamus ini sangat bermakna bagi orang awam khusus penutur asli bahasa Thai. Dengan adanya kamus ini, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur bahasa Melayu di Thailand dapat ditingkatkan. Akhir sekali berharap bahawa bahagian penyusunan kamus akan mengambil langkah selanjutnya untuk menyusun pula Kamus Melayu-Thai, khusus bagi masyarakat Malaysia yang ingin mempelajari bahasa Thai.

Rujukan

- Hajah Noresah Baharom et. al. 2008. *Kamus Thai-Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. 2010. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sheikh Othman bin Selim, B.A. (Hons.). 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ibrahim bin Ahmad. 2002. *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Intan Safinaz Zainudin et.al. 2014. *Analisis Frame Semantics untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja "Mengambil"*. *KEMANUSIAAN* Vol. 21, No. 2, (2014), 1–20, UKM.
- Anida binti Nasuka dan Siti Nur Roihan binti Saidin. 2013. *Kekuatan dan Kelemahan Kamus Dwibahasa dalam Membantu Penterjemah*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014) 364 – 372.
- Prof. Madya Cheun Heng Huat et.al. 2009. *Kajian Terhadap Penghasilan Kamus Dwibahasa untuk Penutur Bukan Natif Bahasa Mandarin*. UITM Malaysia.